



## KENYATAAN AKHBAR

Untuk Siaran Segera  
30 September 2020

### **ASNB ISYTIHAR RM645.9 JUTA PEMBAYARAN PENGAGIHAN PENDAPATAN UNTUK ASM 3, ASN EQUITY 5 DAN ASN SARA 2**

- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana unit amanah harga tetap, Amanah Saham Malaysia 3 (ASM 3) dan dana unit amanah harga berubah, ASN Equity 5 dan ASN Sara (Mixed Aset Conservative) 2 bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2020.
- **ASM 3** mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan sebanyak RM571.3 juta yang memberi manfaat kepada 513,721 pemegang unit dengan memiliki lebih 14.3 bilion unit. Pengagihan pendapatan sebanyak 4.00 sen seunit ini mengatasi penanda aras pulangan Deposit Tetap 12-bulan Maybank pada kadar 2.51% sebanyak 149 mata asas.
- Dua dana harga berubah, iaitu **ASN Equity 5** dan ASN Sara (Mixed Aset Conservative) 2 (**ASN Sara 2**), mengagihkan pembayaran pengagihan pendapatan masing-masing berjumlah RM12.7 juta dan RM61.9 juta, iaitu pulangan sebanyak 3.10 sen seunit dan 3.60 sen seunit. Pengagihan pendapatan ini memberikan hasil dividen sebanyak 3.51% untuk ASN Equity 5 dan 3.61% bagi ASN Sara 2 berdasarkan Nilai Aset Bersih kedua-dua dana tersebut pada 24 September 2020.
- Urus niaga di semua cawangan dan ejen ASNB seluruh negara telah ditangguhkan buat sementara waktu dari 24 September hingga 30 September 2020 untuk ASM 3 dan dari 29 September hingga 1 Oktober 2020 untuk ASN Equity 5 serta ASN Sara 2 bagi memudahkan pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh mengemas kini akaun mereka melalui portal myASNB di [www.myasnb.com.my](http://www.myasnb.com.my) atau melalui aplikasi mudah alih myASNB, atau di mana-mana cawangan ASNB atau ejen ASNB di seluruh negara apabila urus niaga beroperasi semula pada 1 Oktober 2020 untuk ASM 3, dan 2 Oktober 2020 untuk ASN Equity 5 dan ASN Sara 2.

**Kuala Lumpur, 30 September 2020:** Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan jumlah pengagihan pendapatan bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2020 untuk dana unit amanah harga tetap Amanah Saham Malaysia 3 (ASM 3) serta dana harga berubah, ASN Equity 5 dan ASN Sara (Mixed Aset Conservative) 2 (ASN Sara 2) sebanyak RM645.9 juta dalam suasana ekonomi yang mencabar, ditambah dengan kesan pandemik COVID-19.

Indeks FBM KLCI menurun sebanyak 5.25% untuk tahun kewangan semasa dan setakat 24 September 2020. Walaupun dalam keadaan pasaran yang tidak menentu, PNB komited untuk memberi pulangan yang kompetitif kepada para pemegang unit bagi dana-dana ini sambil membantu kesemua pemegang unit sepanjang perjuangan yang berterusan melawan pandemik coronavirus ini.

PNB juga telah melaksanakan beberapa strategi untuk meluaskan portfolio pelaburan dengan mempelbagaikan portfolio dalam ekuiti antarabangsa dan memberi fokus kepada sektor yang kurang rentan terhadap persekitaran ekonomi semasa.

### **ASM 3**

ASM 3 mengumumkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM571.3 juta yang memanfaatkan 513,721 pemegang unit dengan pegangan 14.3 bilion unit. Dalam keadaan ekonomi yang sangat mencabar dan ketidakpastian pasaran akibat pandemik COVID-19 dan juga perintah kawalan pergerakan bagi mengekang penularannya, pulangan 4.00 sen seunit ini kekal kompetitif dan mengatasi penanda aras pulangan Deposit Tetap 12-bulan Maybank pada kadar 2.51% sebanyak 149 mata asas bagi tahun kewangan semasa setakat 24 September 2020.

### **ASN Equity 5**

ASN Equity 5 juga mengisytiharkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM12.7 juta untuk ASN Equity 5, iaitu 3.10 sen seunit kepada 11,029 pemegang unit yang memiliki 413.2 juta unit. Ini menjadikan hasil dividen sebanyak 3.51% berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) dana pada 24 September 2020.

### **ASN Sara 2**

ASN Sara 2 pula mengagihkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM61.9 juta, iaitu bersamaan dengan 3.60 sen seunit yang memberi manfaat kepada 39,559 pemegang unit yang memiliki lebih 1.7 bilion unit, menjadikan hasil dividen sebanyak 3.61% berdasarkan NAB dana pada 24 September 2020.

Pengagihan pendapatan yang diisytiharkan oleh ASM 3, ASN Equity 5 dan ASN Sara 2 diperoleh daripada keuntungan dana yang direalisasi, dividen dan lain-lain pendapatan. Ini adalah selaras dengan objektif PNB untuk memberikan pulangan yang mampan kepada pemegang unit dalam jangka masa panjang.

### **Pengiraan Pengagihan Pendapatan dan Penangguhan Urus Niaga Dana**

Pengagihan pendapatan bagi ASM 3 dikira berdasarkan purata baki minimum bulanan sepanjang tahun kewangan, manakala untuk ASN Equity 5 dan ASN Sara 2, pengiraan berdasarkan jumlah unit yang dimiliki pada hujung tahun kewangan dana tersebut. Pembayaran pengagihan pendapatan yang diumumkan akan dilaburkan semula sebagai unit tambahan ke dalam akaun pemegang unit dan dikreditkan secara automatik pada 1 Oktober 2020 untuk ASM 3, dan pada 2 Oktober 2020 untuk ASN Equity 5 dan ASN Sara 2.

Semua urusan niaga di semua cawangan dan ejen ASNB seluruh negara telah ditangguhkan buat sementara waktu dari 24 September hingga 30 September 2020 untuk ASM 3 dan dari 29 September hingga 1 Oktober 2020 untuk ASN Equity 5 serta ASN Sara 2 bagi memudahkan pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh mengemas kini akaun mereka di portal myASNB [www.myasnb.com.my](http://www.myasnb.com.my) atau melalui aplikasi mudah alih myASNB, atau di mana-mana cawangan ASNB atau ejen ASNB di seluruh negara apabila urusan niaga beroperasi semula pada 1 Oktober 2020 untuk ASM 3, dan 2 Oktober 2020 untuk ASN Equity 5 dan ASN Sara 2.

*-Tamat-*

### **Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

### **Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 33 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 15 tabung unit amanah dengan 262 bilion unit dalam edaran (UIC) dan 14.5 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03 7730 8899.

### **Amanah Saham Malaysia 3 (ASM 3)**

ASM 3 adalah dana unit amanah harga tetap yang dilancarkan pada 5 Ogos 2009. Ia merupakan dana aset campuran yang sesuai untuk pelabur jangka masa sederhana hingga jangka masa panjang, yang memahami pulangan dan risiko pelaburan, dan juga yang ingin mendapatkan pulangan dari pengagihan pendapatan, sekiranya ada.

### **ASN Equity 5**

ASN Equity 5 adalah dana unit amanah harga berubah dilancarkan pada 24 September 2018. Ia merupakan dana ekuiti yang sesuai untuk pelabur yang mencari peningkatan modal berpatutan dan agihan pendapatan melalui kepelbagaian portfolio pelaburan, mempunyai tahap toleransi risiko yang tinggi dan memahami risiko-risiko pelaburan.

**ASN Sara (Mixed Aset Conservative) 2 (ASN Sara 2)**

ASN Sara 2 adalah dana unit amanah harga berubah yang dilancarkan pada 24 September 2018. Ia adalah dana seimbang aset campuran yang sesuai untuk pelabur yang mencari peluang pelaburan yang menghasilkan pertumbuhan dan pulangan jangka panjang yang munasabah bagi memenuhi sebahagian atau semua keperluan kecairan berkala dan membolehkan mereka untuk memenuhi keperluan perancangan kewangan pendidikan mereka atau pendidikan anak-anak mereka.

**Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**

# INCOME DISTRIBUTION

FINANCIAL YEAR ENDING 30 SEPTEMBER 2020

**FIXED PRICE FUND**



**ASM 3**

**4.00** sen per unit

**RM 571.3** million

**Total Distribution**


**BENEFITTING**

**513,721**

**Unit Holders**



**4.00 sen/unit income distribution provides spread of 149 bps above benchmark and 925 bps relative to FBM KLCI Price return**



Notes:

1 Average Return of Maybank 12-Month Fixed Deposit Rate for the financial year to date up to 24 September 2020

2 FBM KLCI Price Return for the financial year to date up to 24 September 2020

The Replacement Master Prospectus of ASNB dated 1 February 2020 and Prospectus of ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global dated 16 September 2020 ("Prospectuses"), have been registered with the Securities Commission Malaysia ("SC"). Please read and understand the content of the Prospectuses together with the Product Highlights Sheets which are available at the ASNB website ([www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)), branches, and agents. Units will be issued upon receipt of the registration form referred to and accompanying the Prospectuses. Before investing, please consider the risks of investing as well as the fees and charges involved. Unit prices and distribution payable, if any, may go down as well as up. The past performance of a fund should not be taken as indicative of its future performance.

# PENGAGIHAN PENDAPATAN

TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 SEPTEMBER 2020

## DANA HARGA TETAP



**ASM 3**

**4.00** sen  
seunit

**RM 571.3** juta  
Jumlah Pengagihan

**MEMANFAATKAN**

**513,721**  
Pemegang Unit



**Pengagihan pendapatan 4.00 sen/seunit memberikan sebaran sebanyak 149 mata asas mengatasi penanda aras dan 925 mata asas berbanding pulangan harga FBM KLCI**

**4.00%**

**2.51%**

**149**  
mata  
asas



**ASM 3**

**925**  
mata  
asas

Pulangan Harga  
FBM KLCI<sup>2</sup>

Deposit Tetap<sup>1</sup>  
12-Bulan

**-5.25%**

Nota:

1 Purata Pulangan Kadar Deposit Tetap 12-Bulan Maybank bagi tahun kewangan sehingga 24 September 2020

2 Pulangan Harga FBM KLCI bagi tahun kewangan sehingga 24 September 2020

Prospektus Induk Gantian bertarikh 1 Februari 2020 dan Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"). Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang ([www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my)), cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.